

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk melihat dan membandingkan antara bahasa Melayu baku dengan subdialek Perak iaitu dialek Parit. Kajian ini memfokuskan dari aspek fonologi yang merangkumi fonem vokal, fonem konsonan dan diftong. Metodologi yang digunakan ialah kaedah perpustakaan dan kaedah lapangan iaitu temu bual. Melalui temu bual tersebut didapati bahawa penutur dialek Parit sering dipengaruhi oleh sebutan dialek mereka semasa menuturkan sebutan baku tanpa disedari. Di samping itu, para pelajar juga kerap menuturkan dialek semasa di dalam bilik darjah. Ini turut menjejaskan aktiviti lisan sebutan baku yang dijalankan oleh guru. Perbezaan yang wujud di antara bahasa Melayu baku dan subdialek Perak telah menimbulkan beberapa masalah seperti masalah dari segi sebutan, ejaan dan makna. Beberapa langkah perlu diambil bagi menghindarkan perkara sebegini dari terus terjadi, antaranya ialah pihak media massa perlu peka terhadap sebutan baku supaya ia menjadi contoh terbaik kepada masyarakat. Kesimpulannya, walaupun wujud kelainan antara dialek Parit dan bahasa Melayu baku namun dalam beberapa hal

terdapat persamaannya. Ini menyebabkan wujud kesalingfahaman antara sesama mereka.

## **ABSTRACT**

*The purpose of this dissertation is to make a comparison between the standard Bahasa Melayu and Perak subdialect that is the Parit dialect. This dissertation will focus on the phonological aspects such as the vowels, consonants and diphthongs. The methodology used were library research and field work that includes interview. During the interview, the researcher found that the Bahasa Melayu spoke by the respondents is influenced by the Parit dialect. Besides, the students observed also use their dialect in the classroom. This affects the activities in the teaching of pronunciation in a Bahasa Melayu class. The different vowels and consonants between the two dialects had caused different pronunciation, spelling errors and misinterpretation of meanings. Therefore, steps should be taken to overcome this problem. For instance the media should ensure the right use of Bahasa Melayu. As a conclusion, although there is a difference between the Parit dialect and standard language, there are also similarities and this will definitely create understanding among the speakers.*